

05/11/1998

Cabaran PBT menghadapi dunia hipermoden

Fadzil Aziz

MENYEDIA pihak berkuasa tempatan (PBT) yang kreatif, inovatif dan proaktif adalah perlu bagi memastikan organisasi itu dapat menghadapi cabaran alaf baru lebih cemerlang.

Justeru, pelbagai perancangan perlu dilaksanakan segera supaya dapat menjamin masa depan yang sejahtera kepada rakyat yang mewakili penghuni kawasan kediaman, penjaja dan peniaga.

Ini kerana, fungsi PBT menjelang alaf akan datang dijangka lebih hebat serta mencabar disebabkan masyarakat masa depan adalah golongan yang berilmu dan lebih berani.

Memasuki abad ke-21 bererti masyarakat sedang mengorak langkah ke dunia baru sejajar dengan kemajuan teknologi maklumat atau dengan kata lain, dunia bergerak lebih cepat dan pantas.

Segala-galanya, sama ada wacana budaya, sosial atau ekonomi dan politik, bergerak dengan deras. Dunia baru itu dinamakan hipermodenisme. Ini bererti hipermoden akan meninggalkan dunia pascamoden.

Atas kesedaran ini, baru-baru ini kerajaan Selangor bertindak menggabungkan semua PBT bagi membentuk sebuah jawatankuasa induk yang bertanggungjawab menghasilkan pelan tindakan ke arah mewujudkan PBT yang cemerlang pada abad ke- 21 nanti.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar menggariskan lapan cabaran yang dijadikan sebagai strategi untuk memastikan PBT boleh menjadi penggalak dan pelindung bagi mewujudkan persekitaran kediaman yang sejahtera.

Wawasan itu, katanya, walaupun mudah dicernakan tetapi amat sukar untuk disempurnakan. Tetapi halangan itu dapat diatasi jika PBT sedar dan insaf terhadap cabaran strategik yang perlu mereka tangani secara bijaksana.

Lapan cabaran itu meliputi kualiti kepimpinan, sikap organisasi, menguasai teknologi maklumat, budaya korporat, ketahanan ekonomi, kualiti hidup, pengukuhan sumber kewangan dan masalah pinggiriran.

Cabaran itu menuntut PBT menilai semula fungsi organisasi mereka supaya cukup bersedia menyediakan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan sentiasa berusaha untuk maju.

Amalan birokrasi, berpemikiran jumud, menilai secara emosi, terlalu mengejar keuntungan, pembaziran sumber dan pelbagai kelemahan yang boleh menggugat profesionalisme PBT, harus diatasi segera.

Justeru, beliau menuntut supaya PBT mematuhi lima paradigma (5B) bagi memastikan cabaran itu boleh ditangani di samping dapat merealisasikan wasasan Selangor maju menjelang 2005.

Berkualiti - menuntut PBT supaya mementingkan membangunkan kualiti kepimpinan, sumberdaya insan dan budaya organisasi dengan memajukan agenda transformasi organisasi.

Bestari - PBT harus memanfaatkan penggunaan teknologi canggih, digital dan multimedia bagi menjalankan tugas dan menawarkan khidmat terbaik setiap masa.

Bertanda Aras - menuntut PBT mengamalkan kaedah penanda aras organisasi dengan PBT lain yang terbaik di dunia supaya menjadikan PBT Selangor diurus dengan tahap kecekapan dan keberkesanan yang setanding atau lebih baik.

Berdampingan - Perlu sentiasa bertindak proaktif ketika berdamping dengan masyarakat setempat supaya dapat mewujudkan suasana muafakat serta dapat mengelakkan pertelagahan dan konflik.

Berdayatahan - usaha ini memerlukan PBT melancarkan 'Agenda Rancak' bagi

menggerakkan sektor ekonomi tempatan yang terjejas berikutan kegawatan ekonomi serantau menerusi pelbagai aktiviti.

Kini terbukti, PBT perlu memiliki fokus pembangunan yang jelas supaya organisasi itu mampu mencapai peningkatan fizikal serta insaniah dalam merealisasikan masyarakat maju.

Bagaimanapun, semua paradigma lima perkara itu hanya boleh dilaksana dan dicapai jika PBT gigih dan bertindak secara berterusan, berdisiplin, dan mementingkan tindakan susulan.

Oleh kerana kegawatan ekonomi, PBT mungkin menghadapi masalah untuk melaksanakan program yang digariskan itu. Namun, ia tidak seharusnya dijadikan alasan sehingga menyekat keupayaan untuk memajukan kawasan dan menyediakan perkhidmatan bagi kepentingan penduduk.

Dalam melaksanakan program untuk penduduk, PBT juga tentunya bergantung kepada sumber pendapatannya seperti kutipan cukai taksiran selain bantuan daripada Kerajaan Persekutuan yang sering dikatakan tidak mencukupi.

Mungkin ada baiknya, jika PBT yang dirangka untuk memasuki alaf baru itu lebih selesa dan kerap membuat lawatan mengejut serta meninjau sendiri ke kawasan pentadbiran untuk menyelesaikan masalah penduduk.

Cara ini lebih berkesan untuk menilai serta mengetahui keadaan sebenar berlaku 'di luar' dan inilah yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bila ada kesempatan, Perdana Menteri memandu sekitar ibu kota melihat sendiri apa yang berlaku dan perkara berkaitan dimasukkan dalam buku catatan untuk dipanjangkan kepada pihak berkenaan atau menteri terbabit.

Lebih pragmatik jika PBT mengambil sikap terbuka dengan membenarkan orang ramai mengikuti mesyuarat majlis selaras dengan peruntukan mengikut Akta Kerajaan Tempatan.

Pada masa depan tentulah warganya dijangka bertambah berikutan pembukaan kawasan baru dengan kawasan pentadbiran, premis kediaman serta perniagaan akan terus meningkat.

Masyarakat alaf baru juga mengimpikan corak kepemimpinan yang bersih, benar-benar ikhlas, amanah dan bertanggungjawab supaya kewibawaan kerajaan keseluruhannya sentiasa terpelihara,

Justeru, sudah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan pegawai kerajaan memastikan pentadbiran bersih itu diamalkan jika mahu kerajaan terus mendapat sokongan rakyat pada masa depan.

Tidak dinafikan, negara ini perlu membuka kawasan baru atas nama pembangunan dan demi kesejahteraan rakyat serta negara, pembangunan antara Lembah Klang dengan kawasan lain perlu diselaraskan supaya seimbang.

Kedudukan Selangor yang berhampiran dengan ibu negara menjadikannya sebagai nadi pentadbiran dan perindustrian. Bagaimanapun, bagi kawasan yang sudah diluluskan, ia menjadi tanggungjawab PBT memastikan pembangunan tidak menjejaskan alam sekitar.

Oleh itu, dasar pemberian tanah kerajaan kepada pihak berkenaan juga perlu dikaji dengan lebih teliti. Kerajaan negeri perlu lebih berhati-hati dan menetapkan beberapa kriteria tertentu.

Ini bagi mengelakkan pengurniaan tanah tidak disalahguna sehingga boleh mewujudkan pembangunan tidak seimbang antara kawasan maju dan tidak maju.

Tidak ketinggalan juga, penghayatan dan kefahaman Islam dan moral melalui program pembangunan kemanusiaan bersepadu perlu ditingkatkan bagi menangani arus pembangunan pesat.

PBT dicadang melantik pihak tertentu memastikan usaha membangunkan ilmu pengetahuan generasi muda dapat dilakukan membabitkan bidang teknologi maklumat (IT), teknologi tinggi dan sains akan diteruskan.

(END)